

# **Ke Arah Universiti Bertaraf Dunia**

*Abdullah Suhaimi Mohamed*

## **ABSTRAK**

*Universiti Teknologi MARA akan mengisytiharkan ianya bertaraf dunia pada tahun 2006. Mulai 2001, UiTM telah menyediakan Strategi 2121 bagi memperkuatkan kedudukannya sebagai sebuah universiti. UiTM terus berusaha untuk memenuhi kriteria sebagai universiti bertaraf dunia. Antara faktor yang diberi tumpuan ialah proses pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan kesarjanaan dan sumbangan pembangunan masyarakat.*

## **Pendahuluan**

Universiti Teknologi MARA akan mengisytiharkan ianya bertaraf dunia pada tahun 2006, iaitu selepas 50 tahun kewujudannya. UiTM telah membangun dari sebuah institusi latihan kemahiran yang ditubuhkan pada tahun 1956 dan diisytiharkan sebagai universiti pada 26 Ogos 1999 oleh Perdana Menteri ketika itu, YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamed. Usaha untuk menaikkan taraf ITM ketika itu bermula sejak awal 1970an, tetapi secara strategiknya pada tahun 1991, dengan melaksanakan pindaan akta penubuhan ITM untuk membolehkan pelaksanakan pengajian peringkat ijazah tinggi (sarjana dan doktor falsafah).

Mulai 2001, UiTM telah menyediakan Strategi 2121 bagi memperkuatkan kedudukannya sebagai sebuah universiti, seiring, jika tidak lebih baik, dari universiti yang ada dalam dan luar negara. UiTM juga melaksanakan pengstrukturkan semula bagi melicinkan proses pembelajaran dan pengajaran bersesuaian dengan era globalisasi melalui organisasi yang mantap dan proses pentadbiran yang kemas serta kemudahan fizikal

bersesuaian. Tumpuan juga diberi kepada pembangunan sumber manusia, terutama tenaga akademik yang berkelayakan sekurang-kurangnya peringkat sarjana. Atas usaha ini UiTM telahpun memperolehi ISO9001:2000 secara menyeluruh dan akan diseragamkan ke semua kampus cawangan mulai tahun 2005 ini.

Dari segi program akademik, UiTM telah memperolehi pengiktirafan antarabangsa dari badan-badan professional. Antara program akademik yang diiktiraf oleh badan professional ialah undang-undang, senibina, kejuruteraan, perakaunan, pemasaran, pengurusan pengangkutan dan insurans. UiTM juga berupaya menjalankan program profesional antarabangsa seperti ACCA, ICMA dan CIT, antara yang ditawarkan. UiTM juga telah mempertingkatkan penawaran program peringkat sarjana dan kedoktoran.

UiTM terus berusaha untuk memenuhi kriteria sebagai universiti bertaraf dunia. Antara faktor yang diberi tumpuan ialah proses pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan kesarjanaan dan sumbangaan pembangunan masyarakat.

## Takrifan Universiti Bertaraf Dunia

Mengikut The Reader's Digest Oxford Complete Wordfinder (1994) ‘university’ ditakrifkan sebagai

*an educational institution designed for instruction, examination, or both, of students in many branches of advanced learning, conferring degrees in various faculties, and often embodying colleges and similar institutions.*

‘World-class’ pula ditakrifkan sebagai

*of a quality or standard regarded as high throughout the world.*

Longman Dictionary of Contemporary English

(2003) pula mentakrifkan ‘university’ sebagai

*an educational institution at the highest level, where you study for a degree’, dan ‘world-class’ sebagai ‘among the best in the world.*

Kamus Dwibahasa Dewan (1985) pula menyatakan universiti sebagai badan yang menganugerahkan ijazah dan mengadakan penyelidikan ilmiah dan pelajaran yang lebih tinggi dari sekolah.

Dari takrifan-takrifan di atas, UiTM telahpun memenuhi takrifan sebagai sebuah universiti, tetapi takrifan ‘world-class’ memerlukan satu penilaian atas ciri-ciri yang dibangunkan dan tidak ke atas fizikalnya sahaja. Penilaian pula dibuat secara menyeluruh, tidak tertumpu kepada satu fakta sahaja.

Antara perkara yang dikaitkan dengan universiti bertaraf dunia ialah:

1. Berdaya saing untuk cemerlang membawa kepada kefahaman baru, ilmu pengetahuan baru dan kesarjanaan;
2. Bersesuaian supaya ilmu boleh digunakan;
3. Berdaya untuk maju;
4. Menggabungkan isu kemanusian dan teknologi sebagai penyelesaian secara praktikal;
5. Menyediakan peluang untuk membangunkan kemahiran dan kepakaran yang diperlukan masyarakat untuk maju; dan
6. Menghasilkan lulusan yang boleh memainkan peranan utama dalam masyarakat berilmu global, dan berbagai lagi yang sama tetapi dalam bentuk kenyataan berbeza.

Sebagai rumusan, iltizam mengamalkan penambahbaikan berterusan dan inovasi perlu untuk mencapai taraf dunia.

## Senario ‘World-class University’

The Times Higher Education Supplement, World University Ranking, Nov. 5, 2004, telah menyenaraikan 200 universiti teratas seluruh dunia. 10 universiti teratas ialah:

1. Harvard University (US)
2. University of California, Berkeley (US)
3. Massachusetts Institute of Technology (US)
4. California Institute of Technology (US)
5. Oxford University (UK)
6. Cambridge University (UK)
7. Stanford University (US)
8. Yale University (US)
9. Princeton University (US)
10. ETH Zurich (Switzerland)

Antara universiti Asia dalam senarai ialah:

12. Tokyo University
18. National University of Singapore
29. Kyoto University
50. Nanyang University
51. Tokyo Institute of Technology
69. Osaka University
89. ***Universiti Malaya***
111. ***Universiti Sains Malaysia***
118. Seoul National University
153. Tokoku University
154. China University of Science & Technology
160. Korea Institute of Science & Technology
163. Pohang University of Science & Technology
167. Nagoya University
192. Fuda University
198. City University of Hong Kong

Penilaian dibuat berdasarkan lima petunjuk yang membayangkan kekuatan pengajaran, penyelidikan dan reputasi antarabangsa, dengan diberi tekanan pengaruh mereka yang wajar mengadili, iaitu para akademik.

Lima perkara tersebut ialah:

1. Peer Review – 1300 para akademik dari 88 buah negara dijadikan sampel berdasarkan kedudukan geografi dan bidang akademik - 50%;
2. Research Impact – penyelidikan yang menjadi rujukan kepada orang lain, diukur sebagai *citations/faculty member*. Data diperolehi dari Essential Science Indicators – Thomson Scientific, Philadelphia, U.S. -20%;
3. Faculty to Student Ratio - 20%;
4. International Faculty Score (pengambilan akademik antarabangsa) - 5%; dan
5. International Students Score (enrolmen pelajar antarabangsa) - 5%.

Bagaimanapun petunjuk kecemerlangan berbeza dari universiti ke universiti. Sebagai contoh, Shanghai Jiao Tong University meletakkan petunjuk berikut:

1. 30% - Nobel Prizes dan Field Medals
2. 20% - artikel yang diterbitkan dalam Science and Nature
3. 40% - Citation Indices (overlapping)
4. 10% - Ukuran kompleks menampung kelebihan yang dinikmati universiti besar.

Sebagai sebuah universiti yang unik, UiTM ingin melahirkan sasarannya sendiri untuk membantu menjadikannya universiti bertaraf dunia. Sebagai sebuah universiti khusus untuk Bumiputra, pengambilan pelajar antarabangsa amat terhad dan pengambilan para akademik luar juga mungkin tertumpu kepada skim sabatikal, pertukaran kepakaran, program usahasama penyelidikan atau kaedah lain yang bersesuaian dengan keperluan dan keadaan.

## Berubah ke Taraf Dunia

Michael Yeoh (2003) menggariskan lima asas utama

untuk perubahan, iaitu:

1. *Wawasan* yang diungkap dengan jelas, dibentuk oleh pemimpin, difahami dan dipegang oleh semua:
  - a. perkara yang menjadi pegangan organisasi
  - b. kaedah beroperasi
  - c. petunjuk kejayaan penting
  - d. tumpuan kepada masa depan dan peluang, bukan kepada masalah atau masa lalu;
2. *Strategi* dan perancangan sejajar dengan misi dan disokong oleh petunjuk prestasi yang jelas dan boleh diukur;
3. *Kepemimpinan* perubahan yang handal (*committed*);
4. *Pemahaman* bahawa organisasi memerlukan kemahiran, pengetahuan dan keupayaan yang baru dan berbeza; dan
5. *Program perubahan* yang bersepadau dan diurus dengan baik.

Proses perubahan ini telahpun dilaksanakan di UiTM dan terus berlaku untuk memastikan UiTM mencapai hasratnya menjadi sebuah universiti yang unggul.

## **Proses Perubahan ke Arah Universiti Bertaraf Dunia UiTM**

Sebagai langkah pertama untuk berubah, UiTM telah menyediakan visi dan misi serta objektifnya sebagai pegangan pembangunan fizikal, akademik dan insannya. Semua tindakan dijuruskan kepada menjayakan hasrat menjadikan UiTM unggul sebagai sebuah institusi pengajian tinggi profesional. Pelan strategik 10 tahun disediakan supaya pembangunan selaras dengan visi dan misi.

Pengstrukturran semula adalah langkah awal penyusunan semula UiTM bersesuaian dengan statusnya

sebagai sebuah universiti. Fakulti-fakulti disusun mengikut gugusan, iaitu sains dan teknologi, pengurusan dan kemanusiaan. Penggunaan sumber dapat diselaraskan dengan lebih sempurna oleh pengerusi gugusan, membenarkan gunasama kemudahan-kemudahan dan membolehkan penawaran bidang major dan minor.

UiTM juga telah memperolehi ISO9001:2000 sebagai menyeragamkan proses pengajaran, pembelajaran dan pengurusan. Ini bersesuaian dengan keadaan UiTM yang mempunyai cawangan di seluruh Malaysia dan mempunyai enrolmen pelajar dan staf yang tinggi. Untuk memastikan pengurusan berkualiti, pengukuhan akauntabiliti dan integriti perlu diberi tumpuan melalui pensijilan ISO9001:2000 ini.

Antara langkah-langkah lain yang diambil melibatkan pembangunan sumber manusia untuk bidang akademik dan pengurusan. Jawatankuasa dan Lembaga Pembangunan Sumber Manusia diwujudkan di peringkat cawangan, fakulti dan induk. Pelan strategik pembangunan sumber manusia disediakan dan pelbagai criteria dan keperluan kemahiran dan kepakaran digariskan untuk memantapkan proses pembelajaran dan pengajaran serta pengurusan sokongan yang diperlukan.

Peranan UiTM sebagai sebuah institusi pengajian tinggi tertumpu kepada pengajaran, penyelidikan dan pembangunan ilmu ke arah kesarjanaan. Dengan demikian, UiTM telah menetapkan penyelidikan sebagai asas kecemerlangannya. Ia disokong oleh usahasama atau jalinan dengan industri dan universiti luar dan dalam Negara. Dengan demikian, institut dan pusat-pusat kecemerlangan ditubuhkan bagi menjayakan strategi ini. Usaha ini akan memastikan para akademik mempunyai kelayakan tinggi dan berkelayakan professional serta bergiat dalam penyelidikan dan perundingan.

## **Penutup**

Bergantung kepada usaha dan kemampuan sesebuah universiti, ianya boleh menjadi bertaraf dunia menyempurnakan kriteria yang ditetapkan. Tetapi untuk

menjadi ‘the top university in the world’, ia memerlukan lebih dari persediaan fizikal. Ia memerlukan pendedahan meluas tanpa sempadan sama ada dari segi fizikal, mental dan semangat.

## Rujukan

- Anon. (1985). *Kamus Dwibahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anon. (1994). *The Reader’s Digest Oxford Complete Wordfinder*.
- Anon. (2003). *Longman Dictionary of Contemporary English*.
- Anon. (2002). *Matlamat Dan Strategi Pengukuhan Akademik UiTM*. Universiti Teknologi MARA.
- Anon. *Strategi 2121*. Universiti Teknologi MARA.
- Anon. *Pengstrukturran UiTM 2001-2010*. Universiti Teknologi MARA.
- Anon. (Nov. 5, 2004). World University Ranking. *The Times Higher Education Supplement*.
- Ibrahim Abu Shah. (2005). *Perutusan Tahun Baru 2005*. Universiti Teknologi MARA.
- Yeoh, M. (2003). *Wawasan dan Kepimpinan, Nilai dan Strategi ke arah Wawasan 2020*. Penterj.: Rahayu Ibrahim & Suziana Abd Aziz, ITNMB & UiTM. Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

---

ABDULLAH SUHAIMI MOHAMED, Pengarah Kampus, Universiti Teknologi MARA Pahang.  
asuhami@pahang.uitm.edu.my.